

Datuk Najib kesal penerima rumah murah tidak bayar sewa bulanan

KUANTAN, Sabtu — Menteri Besar, Datuk Najib Tun Razak hari ini menyelar sikap dingin penerima-penerima rumah murah kerajaan di negeri ini bagi menjelaskan sewaan bulanan dan bayaran balik mereka.

Setakat ini, tunggakan hampir \$2 juta sewa bulanan dan bayaran balik masih belum dijelaskan, katanya.

Kerajaan sedang mengkaji dan menyelidik semua pembayaran itu kerana sikap sedemikian boleh menjejaskan orang lain untuk memiliki rumah sendiri.

Bellau menyatakan demikian ketika menyerahkan surat perjanjian kepada 100 pemilik rancangan rumah murah di Permatang Badak di sini hari ini.

Menurutnya, beliau tidak nampak dalam keadaan sekarang seseorang itu tidak mampu menjelaskan kadar sewa bulanan dan bayaran balik \$50 sebulan kepada kerajaan.

Bellau menambah, jika pembayaran itu dijelaskan kerajaan dapat meluaskan kegiatannya membina lebih banyak rumah murah dalam satu masa.

Di bawah rancangan

Malaysia Keempat, katanya, kerajaan merancang membina 10,000 unit rumah murah di negeri ini.

Bellau juga menyelar pemilik-pemilik rumah murah yang cuba menyewakan semula atau tidak mahu pindah ke rumah mereka.

Sikap itu tidak mungkin dapat membantu kerajaan untuk mengatasi masalah kekurangan rumah kepada rakyatnya.

Di bawah sistem baru sekarang, tambahnya, kerajaan akan memperkenalkan rumah-rumah pasang-slap yang diusahakan oleh kerajaan dan swasta dalam konsep Persyarikatan Malaysia di negeri ini.

Merancang

"Buat permulaan, kerajaan akan meluluskan kawasan dan meminta pihak swasta membina rumah-rumah pasang-slap di atasnya," katanya.

Di bawah konsep itu, kerajaan akan menyediakan tapak asas rumah, manakala pihak swasta akan membina rumah di tapak itu sebelum dijual kepada orang ramai. "Untuk memulakan konsep ini, kerajaan akan melaksanakan pembinaan 2,000 unit rumah di bandar baru Kuantan," katanya.

Menyentuh mengenai perkembangan peruma-

han kawasan Permatang Badak, kerajaan akan membina 292 unit lagi di kawasan itu di peringkat kedua. Kerja-kerja membersihkan tapak sedang berjalan lancar dan dijangka siap akhir tahun ini, katanya.

Menurut Datuk Najib, kerajaan membelanjakan \$2.5 juta untuk membina 100 unit rumah murah di situ. Dari perbelanjaan itu, \$1.15 juta adalah pinjaman dari Kerajaan Persekutuan manakala selebihnya \$1.35 juta lagi sumbangan kerajaan negeri.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia